

20 JUL 1999

Mahathir-Ibu kota

KUALA LUMPUR KEKAL IBU KOTA MALAYSIA, KATA DR MAHATHIR

JITRA, 20 Julai (Bernama) -- Kuala Lumpur akan kekal sebagai ibu kota Malaysia manakala Putrajaya akan menjadi sebahagian daripada ibu kota, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, Kuala Lumpur menjadi ibu kota komersil manakala Putrajaya ibu kota pentadbiran Malaysia.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika diminta mengulas lebih lanjut ucapannya pagi tadi yang menyatakan Putrajaya, yang menempatkan pusat pentadbiran baru kerajaan persekutuan, akan menjadi ibu kota baru bagi Malaysia suatu hari kelak.

Ketika menjawab satu soalan pada persidangan berita pada akhir lawatan dua hari beliau ke Kedah, Dr Mahathir berkata: "Kita tidak tukar, yang ini (Kuala Lumpur) ialah ibu kota komersil manakala yang itu (Putrajaya) ibu kota pentadbiran.

"Ia (Putrajaya) sebahagian daripada ibu kota. Ia satu bandar yang khusus diwujudkan sebagai pusat pentadbiran negara. Ia bukan kita bertenggek di sebuah bandar lain. Kita tak nafikan peranan Kuala Lumpur,".

"Kuala Lumpur tumbuh sebagai mining village dan kemudian British pilih Kuala Lumpur untuk dijadikan sebagai ibukota. Bukan pilihan kita sebenarnya. Bukan pilihan rakyat Malaysia. Bukan pilihan Raja-raja Melayu," katanya.

Beliau berkata kewujudan ibu kota komersil dan ibu kota pentadbiran itu sama seperti di negara-negara lain.

Sebagai contoh, di Amerika Syarikat, ibu kota komersilnya ialah New York manakala ibu kota pentadbiran di Washington DC. Di Australia, ibu kota komersilnya Melbourne dan Sydney manakala ibu kota pentadbiran Canberra, katanya.

-- BERNAMA

TM ZKS NMO